

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2007/2008

April 2008

**SBU221 - Masyarakat dan Teknologi**

Masa: [3 jam]

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **TIGA (3)** Soalan. Semua soalan mempunyai markah yang sama.

1. Berdasarkan pengalaman sektor perindustrian di negara ini, adakah pemerhatian Marx tentang sistem pekerjaan yang menyebabkan kemerosotan kepakaran, kemerosotan kuasa dan penurunan taraf pekerja masih lagi diamalkan. Berikan contoh-contoh yang sesuai.
2. Mengapakah sentiasa wujud konflik dalam penggunaan teknologi? Bincangkan peranan etika dalam mengawal perkembangan teknologi agar teknologi yang diperkenalkan dapat memenuhi matlamat pembangunan negara.
3. Bincangkan perubahan struktur pekerjaan akibat daripada perkembangan teknologi moden.
4. Perkembangan teknologi moden merupakan asas kepada pengurangan jurang ketidak adilan sosial dunia. Sejauhmanakah anda bersetuju dengan pernyataan tersebut?
5. Kaedah ibu tumpang merupakan teknologi yang lazim diamalkan oleh kebanyakan pasangan yang inginkan anak tetapi tidak berupaya melahirkan anak sendiri. Patutkah teknologi ini diamalkan di negara ini? Bincangkan pandangan anda berdasarkan aspek etika dan norma masyarakat di negara ini.
6. Huraikan faktor yang menyumbang kepada wujudnya komuniti maya. Apakah kesan kewujudan komuniti maya terhadap institusi sosial dan kekeluargaan dalam masyarakat lazim?